

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos atau draf bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**
3. Satu tawaran sebut harga hendaklah menyediakan satu deposit sahaja. **Sekiranya berminat melebihi satu (1) sebut harga, deposit hendaklah disediakan berasingan mengikut no sebut harga.**
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua Aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Pembeli yang berjaya adalah dikehendaki menguruskan sendiri segala pembayaran dan urusan yang melibatkan Jabatan Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan, kos Puspakom atau mana-mana jabatan yang berkaitan sekiranya ada.
11. Pembeli yang berjaya hendaklah memadam apa jua bentuk catatan tanda berkaitan **MAJLIS PERBANDARAN KLUANG** pada aset tersebut sekiranya masih ada.
12. Pembeli adalah dilarang sama sekali memberi, menawarkan atau menjanjikan sebarang bentuk pemberian, imbuhan, faedah atau ganjaran kepada mana-mana kakitangan Majlis Perbandaran Kluang yang berkaitan dengan urusan sebut harga pelupusan kenderaan ini. Sebarang pelanggaran terhadap larangan ini boleh menyebabkan tindakan pembatalan tawaran.